

# Selangor cemerlang ke separuh akhir Piala Tun Abdul Razak 2017

**KUALA LUMPUR 22 Nov.** - Selangor mengesahkan tempat ke saingan separuh akhir kejohanan hoki wanita Piala Tun Abdul Razak 2017 selaku juara Kumpulan B selepas berpesta gol menewaskan Johor dengan keputusan 5-1 di Stadium Hoki Kuala Lumpur, hari ini.

Kemenangan dalam aksi terakhir peringkat kumpulan itu membolehkan Selangor mengumpul tujuh mata selepas tiga perlawanan berlangsung.

Jurulatih skuad hoki wanita Selangor, Ikmal Abdul Jabbar berkata, kemenangan tersebut menambah keyakinan pasukannya untuk meraih keputusan positif dalam aksi separuh akhir Jumaat ini.

“Kami memang harapkan kemenangan ini, cuma tidak jangka pasukan meraih dengan jaringan besar sebegini.

“Saya gembira dengan prestasi kesemua pemain malah jentera serangan juga berfungsi dengan baik berikutan dapat

menjaringkan beberapa gol pandang.

“Dalam aksi separuh akhir nanti diharap kesemua pemain dapat meneruskan prestasi sebegini agar berupaya mendapatkan satu keputusan yang membanggakan,” kata Ikmal ketika ditemui pemberita selepas tamat aksi Kumpulan B di sini, hari ini.

Lima gol Selangor dalam perlawanan tersebut dijaringkan oleh Nurul Safiqah Mat Isa sewaktu minit ke-25, Ellya Fateha Ellias (minit ke-26), Nor Atira Mohamad Ismail (minit ke-32), Raja Norsharina Raja Shabuddin (minit ke-42) dan Fatin Shafikah Mahd. Sukri (minit ke-54).

Gol tunggal Johor dijaringkan oleh Hanis Nadiah Onn sewaktu minit ke-52.

Selain Selangor turut melangkah ke saingan separuh akhir ialah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menamatkan aksi peringkat Kumpulan selaku naib juara.



**PEMAIN Johor, Nurul Nadia Aziz (kiri) cuba mengawal bola daripada dirampas pemain Selangor dalam kejohanan hoki wanita Piala Tun Abdul Razak di Stadium Hoki Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SURIYA BONMA**